

22 MAR 2001

LEAD Raja-Islam

RAJA-RAJA TIADA HALANGAN PENGGUNAAN NAMA ISLAM

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Majlis Raja-raja memutuskan ia tiada halangan bagi nama Islam digunakan pada mana-mana pertubuhan dan juga menetapkan bahawa menjanjikan syurga kepada seseorang yang menyokong pihak tertentu adalah menyeleweng daripada Islam.

Ia juga memutuskan bahawa tidak ada pihak berhak menentukan keIslaman seseorang itu dengan mengenakan syarat-syarat tambahan setelah orang itu menepati rukun Iman dan rukun Islam.

Keputusan itu yang dibuat berdasarkan fatwa Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam, dicapai pada mesyuarat ke-188 Majlis Raja-raja selama dua hari yang berakhir hari ini, demikian menurut kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja di akhir mesyuarat itu.

Majlis Raja-raja memutuskan bahawa orang atau pertubuhan yang menggunakan perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan perbuatan itu bercanggah dengan prinsip syariat Islam dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Kenyataan oleh Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja itu berbunyi:

Mengenai masalah perpecahan orang Melayuslam, Mesyuarat Majlis telah bersetuju menerima fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam seperti berikut:

+ Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan, malahan digalakkan tetapi hendaklah berdisiplinkan ilmu, iman dan ehsan. Walau bagaimanapun mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat Islam dan boleh diambil tindakan menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada.

+ Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati rukun Iman dan rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat lain bagi menentukan keIslaman seseorang. Fahaman bahawa perlu ada tambahan syarat-syarat lain, selain daripada menepati rukun Iman dan rukun Islam, seperti pengakuan atau sokongan kepada pihak tertentu sebelum seseorang itu ditentukan keIslamannya adalah salah di sisi Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebarkan dengan apa-apa cara jua pun akan fahaman tersebut adalah melakukan perbuatan yang termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.

+ Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah SWT. Dari itu, dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang orang Islam layak ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut ajaran Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebarkan dengan apa-apa cara jua pun akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.

Beberapa pihak sebelum ini mendesak supaya nama Islam dilarang digunakan oleh mana-mana pertubuhan dan ini mendapat bantahan Pas.

Mesyuarat Majlis Raja-raja kali ini dipengerusikan oleh Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin. Ia dihadiri oleh semua Raja dan Yang Dipertua Negeri kecuali Kedah yang diwakili Raja Muda Kedah, Pahang yang diwakili Tengku Muda Pahang, dan Johor yang diwakili Tunku Mahkota Johor.

Selangor diwakili oleh Pemangku Raja Selangor.

Hari ini, Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menghadiri mesyuarat itu diiringi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad.

Menurut kenyataan itu, mesyuarat turut membincangkan perkara-perkara berkaitan keselamatan negara, agama dan pelantikan.

Antara keputusan yang dibuat ialah pelantikan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Datuk Karam Chand Vohrah, Datuk Wira Haji Mohd Noor Ahmad dan Datuk Alauddin Mohd Sheriff sebagai Hakim-hakim Mahkamah Rayuan mulai tarikh yang akan ditetapkan kemudian selain mengesahkan pelantikan Datuk Siti Norma Yaakob, Datuk Haidar Mohamed Noor dan Tan Sri Mohtar Abdullah, sebagai Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan baru-baru ini.

-- BERNAMA

AFY AHH MAI